



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM SEJARAH

Tajuk: Mempertahankan Keutuhan Negara

Nilai Teras: Kasih Sayang

Masa: 1 jam

SK: 9.2 Nasionalisme

SP: K9.3.6 Menghuraikan kepentingan semangat cinta akan negara.

Objektif:

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid akan dapat:

1. Menyenaraikan maksud dan kepentingan nasionalisme.
2. Menjelaskan peranan dan sumbangan pasukan keselamatan negara.
3. Menunjukkan cara untuk mengukuhkan perasaan cinta akan negara melalui persembahan.

Aktiviti Literasi Sivik: Set induksi

1. Guru menunjukkan rakaman video tentang pasukan elit Tentera Laut Diraja Malaysia (PASKAL) dari:
 - <https://www.youtube.com/watch?v=6yXoatjBDSI>

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Guru bersoal jawab dengan murid tentang rakaman video tersebut dan kaitan dengan nasionalisme.
2. Murid diminta membincangkan maksud dan kepentingan nasionalisme.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberi logo pasukan keselamatan Malaysia.
3. Berdasarkan logo tersebut, ahli kumpulan akan mengadakan perbincangan tentang peranan dan sumbangan pasukan tersebut.



Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Setiap kumpulan dikehendaki menghasilkan sebuah puisi, pantun, drama atau lirik lagu.
2. Persembahan hendaklah bertemakan isu:
 - (a) Wira Negara
 - (b) Cinta Tanah Air
 - (c) Menentang Musuh Negara
 - (d) Demi Malaysia Tanah Airku

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)